

## Novel 'Kasyaf Ain' dan Warisan Budaya Melayu

Norazilah Buhari<sup>1\*</sup>, Nor Azlili Hassan<sup>1</sup> dan Nik Norazira Abd Aziz<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Creative Industries, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

### ABSTRAK

Novel merupakan karya sastera yang dapat menjelaskan secara terperinci tentang persoalan sesebuah masyarakat. Salah satu persoalan penting yang dipaparkan dalam novel adalah mengenai nilai warisan budaya sesebuah masyarakat termasuklah budaya Melayu yang dapat mendidik masyarakat untuk lebih mengenali dengan lebih dekat lagi tentang nilai warisan budaya Melayu. Masyarakat juga akan diberi kesedaran betapa pentingnya mencintai dan menghargai warisan budaya Melayu. Hal ini penting kerana warisan budaya Melayu yang digambarkan melalui novel akan menjadi lebih menarik untuk tatapan pembaca. Seterusnya pembaca secara tidak langsung diberi pendedahan terhadap warisan budaya Melayu. Novel Melayu 'Kasyaf Ain', hasil tulisan novelis Malaysia iaitu Ramlee Awang Mursyid, ada memaparkan nilai warisan budaya masyarakat Melayu dan dipilih sebagai bahan kajian kerana ada memaparkan tentang warisan budaya Melayu seperti gaya bahasa dan tradisi masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis warisan budaya Melayu dalam novel 'Kasyaf Ain'. Kaedah kajian adalah berbentuk analisis kandungan yang melihat novel 'Kasyaf Ain' dan bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan novel kajian dan tentang warisan budaya Melayu. Warisan budaya Melayu ini dianalisis melalui setiap bab dalam novel tersebut bagi memperlihatkan secara jelas tentang warisan budaya Melayu. Analisis menunjukkan bahawa novel 'Kasyaf Ain' banyak mengandungi unsur warisan budaya Melayu yang dapat dijadikan sebagai ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat umumnya, dan generasi muda khususnya. Unsur warisan budaya ini dapat dilihat daripada segi bahasa, dialek, tata adab, institusi kekeluargaan dan tingkah laku sosial yang menonjolkan warisan budaya Melayu dan boleh dianggap sebagai medium intelektual dan praktikal masyarakat Melayu.

**Kata Kunci:** Novel, Warisan, Budaya Melayu, Gaya Bahasa, Tradisi.

### ABSTRACT

Novel is a literary work that can explain in detail the problems of a society. One of the important issues featured in the novel is about the value of a community's cultural heritage including Malay culture that can educate the public for a better understanding on the value of Malay cultural heritage. Society will also be given the awareness of the importance of loving and appreciating the Malay cultural heritage. This is important because the Malay cultural heritage explained through the novel will be more interesting for the readers. Indirectly, the readers are exposed to the Malay cultural heritage. *Kasyaf Ain*, a Malay novel written by a Malaysian novelist, Ramlee Awang Musyid explains the cultural heritage of the Malay community and is chosen as a study material as it has features on Malay cultural heritage such as the Malay language and traditions. In this regard, the study aims to analyze the Malay cultural heritage explained in *Kasyaf Ain*. The research method is a content analysis that looks at *Kasyaf Ain* and the previous related literatures to the novel of the study and the Malay cultural heritage. The Malay cultural heritage is analyzed through each chapter in the novel to show clearly on the Malay cultural heritage. Analysis shows that *Kasyaf Ain* contains many Malay cultural heritage that can be used as knowledge and education to the general public, and the younger generation in particular. These cultural heritage elements can be seen in terms of language, dialect, culture, family institution and social behavior that highlight the Malay cultural heritage and can be regarded as the intellectual and practical medium of the Malay community.

---

\*Koresponden: [norazilah@utar.edu.my](mailto:norazilah@utar.edu.my)

**Keywords:** Novel, Heritage, Malay Culture, Styles of Language, Traditions.

## PENGENALAN

Novel menjadi satu instrumen dalam membangunkan perkembangan dunia sastera yang tidak boleh dinafikan. Sesebuah karya sastera terhasil daripada adunan pengetahuan, pengalaman, penelitian dan juga penyelidikan dengan kreativiti, imaginasi dan wawasan seseorang pengarang (Che Abdullah Che Ya, 2018). Penulisan novel merupakan plot cerita yang berkait rapat dengan situasi dan menyerlahkan warna-warni kehidupan dunia sebenar, sementelahan inti sarinya adalah fenomena kehidupan yang berkait dengan manusia, haiwan dan makhluk ghaib. Novel merupakan karya sastera yang dapat menjelaskan secara terperinci tentang persoalan atau fenomena sosial sesebuah masyarakat. Hassan Shadily (1984) mendefinisikan fenomena sosial sebagai kenyataan mengenai masyarakat yang merangkumi ikatan-ikatan adat, kebiasaan, kepercayaan atau agamanya, tingkah laku serta keseniannya atau yang disebut kebudayaan yang meliputi segala segi kehidupannya. Di dalam sesebuah masyarakat, setiap kumpulan etnik adalah berpegang kepada ajaran agama, kebudayaan dan bahasa masing-masing yang pastinya wujud warisan budaya yang dianuti. Warisan budaya adalah harta atau pusaka kehidupan sesebuah masyarakat dan bangsa yang diwarisi turun-temurun dalam bentuk kebendaan (*material culture*) atau bukan kebendaan (*non-material culture*) (A. Aziz Deraman, 2012). Kedua-dua bentuk tersebut sememangnya ada dalam warisan budaya sesuatu bangsa, masyarakat dan etnik.

Perbincangan tentang amalan atau budaya tentu sahaja akan melibatkan tingkah laku yang dilakukan oleh anggota sesebuah masyarakat sama ada secara individu atau berkumpulan pada sesuatu masa tertentu. Segala bentuk amalan yang dilakukan secara berterusan dalam kehidupan akhirnya akan menjadi budaya. Kehidupan sosial dan budaya dalam sesebuah masyarakat adalah segala fenomena yang berkaitan dengan amalan serta kepercayaan yang bersifat keagamaan dan juga kepercayaan-kepercayaan khurafat atau tahyul yang masih menjadi amalan hingga hari ini (Ramli, 1997). Walaubagaimana pun, kepercayaan dan amalan khurafat ini ternyata bertentangan dengan ajaran Islam yang suci. Budaya juga menyentuh semua tingkah laku manusia yang bermula dengan penggunaan simbol seni, kepercayaan dan agama yang mempunyai pengertian tertentu yang sering berubah dari masa ke semasa sesuai dengan keperluan masyarakat dan persekitarannya.

Novel merupakan salah satu medium yang digunakan untuk melihat keseluruhan cara hidup yang meliputi kelakuan, kebudayaan dan kepercayaan sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini kerana, hanya melalui hasil karya masyarakat lain dapat mengetahui kejadian yang berlaku dalam masyarakat yang lainnya. Oleh itu, kajian ini ditulis adalah untuk melihat tentang penulisan mengenai warisan budaya Melayu yang diungkapkan secara langsung atau melalui perlambangan oleh pengarang novel. Secara tidak langsung, pembaca dapat melihat cerminan masyarakat yang wujud hasil daripada pengaruh budaya yang diungkapkan. Novel adalah karya yang dapat menjelaskan secara terperinci tentang persoalan sesebuah masyarakat. Salah satu persoalan penting yang dipaparkan dalam sesebuah karya adalah mengenai warisan budaya masyarakat Melayu. Persoalan ini sebenarnya dapat mendidik masyarakat supaya mengenali dengan lebih dekat lagi tentang warisan budaya Melayu. Selain itu, mereka akan diberi kesedaran betapa pentingnya mencintai dan menghargai warisan budaya Melayu. Oleh yang demikian, jelas memperlihatkan bahawa novel dapat memainkan peranan penting dalam melestarikan warisan budaya Melayu. Hal ini kerana warisan budaya Melayu yang diperkenalkan melalui karya sastera akan menjadi lebih menarik, seterusnya pembaca secara tidak langsung diberi pendedahan terhadap warisan budaya Melayu.

Salah satu novel yang menggarap mengenai warisan budaya Melayu adalah novel *Kasyaf Ain*. *Kasyaf* merupakan etimologi Arab. Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mendefinisikan *Kasyaf* sebagai penyingkapan rahsia alam ghaib melalui kalbu dan *Ain* sebagai mata. Pemilihan novel

tersebut didasari oleh beberapa alasan. Sebelum memilih, penyelidik telah membaca novel tersebut. Dari pembacaan tersebut, penyelidik menemui beberapa warisan budaya Melayu yang meliputi hubungan manusia dengan dirinya, hubungan manusia dengan Tuhan, dan hubungan manusia dengan masyarakat. Novel karya Ramlee Awang Mursyid tersebut secara jelas mengangkat kisah kehidupan masyarakat Melayu. Novel ini juga menggambarkan tingkah laku masyarakat Melayu dalam kehidupan sehariannya yang mencerminkan nilai-nilai warisan budayanya. Ini menjadi keunikan bagi novel *Kasyaf Ain* sehingga penyelidik tertarik untuk meneliti novel ini untuk mengetahui nilai-nilai budaya Melayu yang terkandung di dalamnya. Novel *Kasyaf Ain* (2018) dipilih sebagai bahan kajian kerana novel ini banyak memperlihatkan warisan budaya Melayu, iaitu gaya bahasa Melayu dan nilai amalan tradisi masyarakat Melayu.

Analisis kajian ini dilakukan untuk melihat aspek kehidupan sosial dan budaya yang digarap oleh penulis novel menerusi gagasan pemikiran dan kreativiti dalam karya sebagai cerminan sosial yang ada kaitannya dengan masyarakat diluarnya. Realiti yang digambarkan bukanlah sesuatu yang berdiri sendiri tetapi bergantung kepada 'penglihatan' pengarangnya yang akan menjadi lebih indah atau sebaliknya (Umar, 1989). Karya yang bertanggungjawab akan berlandaskan aspek-aspek tertentu tentang keperihal kewanusiaan, baik secara langsung mahupun secara tersirat dan berlapis maknanya (Shahnon, 1994). Hubungan ini dapat memperkukuhkan unsur realiti dalam karya sangat berkait dengan hubungan kehidupan manusia. Hal ini menunjukkan adanya hubungan karya dengan masyarakat di luarnya, membolehkan kita memahami kehidupan manusia melalui pancaindera dan kematangan berfikir (Elizabeth & Tom Burns, 1973). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang novel dan warisan budaya Melayu yang mencerminkan cara, sikap hidup dan kepercayaan masyarakat yang menjadi amalan dalam kehidupan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Menggambarkan tentang warisan budaya Melayu dalam novel *Kasyaf Ain*.
- ii. Membincangkan tentang warisan budaya Melayu yang dipaparkan dalam novel *Kasyaf Ain*.

## **KONSEP GAYA BAHASA DAN TRADISI MASYARAKAT MELAYU**

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mendefinisikan gaya sebagai cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yang menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang. Manakala gaya bahasa pula dilihat berkenaan cara pemakaian bahasa, iaitu pengetahuan tentang pemilihan, penyusunan, penggunaan sesuatu perkataan dan ayat. Ianya turut dikenali dalam bidang retorika dengan istilah '*style*'. Bertepatan dengan pandangan Za'ba (1965), mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, iaitu tentang perkataannya, ikatan ayatnya, jalan bahasanya, cara susunan atau bentuk pembahasaannya. Gaya bahasa adalah ekspresi individu yang berlandaskan bahasa sebagai sistem. Seterusnya menurut pandangan Hashim Awang (1987), bahawa gaya bahasa ialah cara menggunakan kata-kata dalam menyampaikan fikiran dan perasaan. Gaya bahasa merupakan landasan atau medan cara pengarang menggunakan bahasa sebagai wahana untuk menyampaikan ceritanya. Ianya melibatkan penyusunan kata yang baik dan berkesan untuk menyatakan sifat individu pengarang, fikiran dan tujuannya. Sesuatu gaya bahasa yang baik mengandungi tiga unsur utama iaitu kejujuran, kesantunan dan menarik. Unsur kejujuran dalam gaya bahasa bermaksud mematuhi peraturan dan kaedah yang betul dalam berbahasa, manakala unsur kesantunan ialah mewujudkan rasa nikmat melalui penggunaan kata-kata dan menyampaikan sesuatu dengan jelas.

Gaya bahasa adalah nadi yang mendenyut dan menghidupkan karya (Fatimah Busu, 2003) yang terbit daripada usaha penulis memanipulasi bahasa yang sedia ada dan seterusnya mengeksploitasi bahasanya dalam penulisan. Sifat bahasa yang cair itu telah memudahkan pengarang membentuk, melentur dan mengubah karya yang dihasilkan. Melalui kreativiti, potensi bahasa dapat dieksploitasi oleh pengarang dan menghasilkan gaya bahasa yang tertentu. Gaya bahasa boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu gaya bahasa berdasarkan acuan bukan bahasa, gaya bahasa berdasarkan acuan bahasa, gaya bahasa berdasarkan struktur kalimat, gaya bahasa retorik dan gaya bahasa kiasan. Dalam konteks kajian ini, gaya bahasa berdasarkan acuan bahasa dipilih untuk menganalisis novel *Kasyaf Ain*. Gaya bahasa berdasarkan acuan bahasa merupakan pemakaian bahasa yang tercakup dalam bidang linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Namun, pengkhususan hanyalah kepada aspek morfologi yang melihat gaya bahasa berdasarkan pilihan leksikal seperti aspek diksi (dialek/bahasa daerah) dan penggunaan kata ganti nama diri dalam karya ini.

Manakala, tradisi merupakan unsur budaya tempatan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang diamalkan oleh pelbagai etnik dalam konteks masyarakat majmuk dan budaya Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Persekitaran masyarakat majmuk di Malaysia merupakan aspek penting dalam konteks hubungan sosial dan tradisi antara penduduk Malaysia yang berbilang etnik dan bersilang budaya demi mewujudkan perpaduan dan integrasi bangsa dalam kalangan penduduk Malaysia. Secara dasarnya, tradisi merupakan sesuatu kebiasaan (adat, kepercayaan, dan sebagainya) yang kekal turun-temurun dan sudah menjadi amalan yang sehati dengan sesuatu masyarakat (golongan/kumpulan). Tradisi juga ada perkaitannya dengan budaya. Menurut Kamus Dewan, budaya dikatakan sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, dan akal budi. Manakala istilah "kebudayaan" pula ditakrifkan sebagai corak kehidupan sesuatu masyarakat yang merujuk kepada keseluruhan cara hidup manusia, cara bertindak, berkelakuan, berfikir dalam semua bidang melibatkan akal budi dan daya usaha mereka serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.

Dalam konteks masyarakat Melayu, pelbagai upacara keagamaan diamalkan bagi menggambarkan interaksi manusia dengan kuasa ghaib. Penggunaan pelbagai lambang seperti bulan bintang juga melambangkan hubungan manusia dengan agama Islam. Malahan, cerita penglipur lara juga kadang kala dikaitkan dengan budaya masyarakat Melayu. Amalan berpantun, bernazam, berperibahasa dan sebagainya menggambarkan kebudayaan Melayu yang tinggi nilainya. Sebelum kedatangan agama Islam, masyarakat Melayu mengamalkan kepercayaan animisme dan dinamisme. Animisme adalah percaya kepada setiap benda ada jiwa, roh dan semangat, manakala dinamisme pula ialah kepercayaan kepada tenaga yang ada dalam roh, jiwa dan semangat dalam diri manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan atau benda-benda yang boleh mendatangkan kesan baik dan buruk. Kedatangan Hindu atau Buddha telah menjadikan upacara keagamaan masyarakat Melayu lebih rapi dan formal. Kesan yang jelas sekali boleh dilihat ialah pemisahan golongan raja, para bangsawan, golongan agama dan rakyat jelata. Keadaan ini telah menular ke dalam budaya masyarakat Melayu. Kedatangan agama Islam telah memberi jawapan terhadap kejadian alam, memantapkan keseluruhan pandangan semesta Melayu dan tertumpu kepada Tuhan atau *God-Centered* (Nadiyah Abdul Rahman & Priscilla Law Nguik Hung, 2008). Justeru, tradisi dan budaya masyarakat Melayu terbina dengan semula jadi sejak awal lagi.

Kebudayaan di Tanah Melayu telah mengalami perubahan dan asimilasi yang nyata sejak berlakunya pertembungan budaya antara tamadun India dengan China, diubahsuai dan diserap oleh tamadun Melayu sejak zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 (A. Aziz Deraman, 2005). Tanah Melayu juga menjadi pusat pertemuan dunia serta menjalinkan hubungan dengan negara luar pusat perdagangan iaitu negara Barat dan Timur. Pengaruh latar budaya yang wujud dalam kebudayaan Melayu adalah hasil daripada pergaulan dan percampurannya dengan bangsa-bangsa lain yang datang ke rantau ini. Kebudayaan Melayu telah berasimilasi dengan kebudayaan dunia kerana sifatnya yang terbuka dalam menerima pengaruh

dan budaya asing selagi ianya bersesuaian dengan masyarakat tempatan. Umumnya, kebudayaan yang meresap masuk ke dalam karya sastra Melayu datangnya dari budaya Hindu, Buddha, Arab dan Barat. Hal ini berpunca daripada kedatangan orang-orang dagang terutama masyarakat Hindu dan Cina ke Tanah Melayu pada masa dahulu menjadikan perkembangan kebudayaan di Tanah Melayu semakin rancak dan segar. Lantas, telah berlaku proses penyesuaian di antara satu budaya etnik dengan yang lainnya.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh agama Hindu atau Buddha dan agama Islam telah mengukuhkan lagi sistem kepercayaan, kebudayaan dan kesenian masyarakat Melayu. Kedatangan Islam telah banyak mencorakkan suasana amalan budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Kesan dan pengaruh kedatangan Islam dalam kebudayaan Melayu dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti akidah, politik, sosial, undang-undang, ekonomi, kesenian, bahasa dan sastra serta pendidikan. Nilai-nilai keislaman dalam budaya Melayu amat jelas sekali apabila agama Islam telah mengubah bentuk kepercayaan, corak hidup dan pandangan semesta masyarakat Melayu. Kepercayaan kepada dewa dan animisme bertukar kepada kepercayaan kepada Allah S.W.T dan rasul-Nya. Walaupun Islam telah bertapak kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu, ini tidak bermakna kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha berjaya dikikis. Masih terdapat banyak petunjuk yang menggambarkan masyarakat Melayu terpengaruh dengan unsur-unsur sebelum kedatangan Islam. Selain itu, kebudayaan Islam turut menggembleng agama tauhid, tulisan Jawi, akidah Islamiah, pendidikan moral nilai terhadap ilmu pengetahuan, bahasa serta kesusasteraan Melayu ke dalam kebudayaan tempatan. Sistem kehidupan yang dianggap baru ini diterima sebagai alternatif kepada budaya Hindu-Buddha-animisme yang tersedia ada untuk menjadikan budaya Melayu sebagai budaya yang sempurna dari segi akhlak dan akidah.

Hal ini dapat dilihat dalam sistem perubatan tradisional Melayu yang merupakan khazanah warisan perubatan nenek moyang silam yang sangat berharga kepada generasi pada masa kini. Realiti pada hari ini ialah masyarakat Melayu lebih selesa untuk mendapatkan rawatan di hospital moden. Namun, tidak dinafikan masih lagi terdapat dalam kalangan masyarakat yang cenderung untuk mendapatkan perkhidmatan bomoh khususnya bagi merawat penyakit-penyakit yang tidak kronik. Dalam konteks perbomohan pula, para pengamal perubatan tradisional perlu berhati-hati dalam memastikan bahawa setiap amalan yang dilakukan untuk merawat pesakit perlu bebas dan suci daripada elemen-elemen yang boleh mengundang kepada unsur-unsur syirik.

Masyarakat Melayu percaya bomoh berperanan sebagai penyelesaian masalah dalam kalangan masyarakat setempat. Bagi kebanyakan masyarakat kampung dan desa, bomoh dijadikan tempat rujukan apabila menghadapi masalah seperti kehilangan barangan peribadi, anak kecil menangis pada waktu senja atau malam hari, pendinding rumah, mengesan orang yang sesat di dalam hutan dan sebagainya. Khidmat bomoh juga digunakan untuk menghasilkan air penawar bagi penerang hati dan untuk mengawal anak-anak yang nakal. Bagi tujuan perniagaan, khidmat bomoh digunakan untuk menghasilkan 'pelaris' bagi meningkatkan keuntungan perniagaan. Ada juga yang memerlukan khidmat bomoh untuk tujuan mendapatkan ilmu yang boleh digunakan untuk peribadi contohnya ilmu penguat badan, penggerun, pengasih, penunduk, pemanis, dan pembenci (Haron Daud, 2004). Selain itu, bomoh turut berperanan sebagai perawat penyakit misteri. Perubatan tradisional juga dapat merawat penyakit misteri yang sukar untuk dikesan oleh sistem perubatan moden seperti kerasukan, sihir, gangguan makhluk halus, halusinasi dan sebagainya. Sistem perubatan tradisional dikatakan sebagai sistem perubatan terbaik untuk merawat penyakit jiwa (Ibn al-Qayyim al-Jauziah, 2000, Muhammad Ramzi Omar, 2000).

## SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan dengan aspek warisan budaya Melayu dalam novel bukan sesuatu yang baru, malah sudah ada kajian yang telah dibuat dengan berteraskan pelbagai genre sastera termasuklah novel. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Nor Aini Hj. Ahmad (1998) adalah berfokuskan kepada unsur-unsur tradisi lisan yang terkandung dalam karya Noordin Hassan yang banyak menyentuh tentang penggunaan dialek, onomatopia, bahasa bertingkat dan puisi seperti pantun dan syair. Kajiannya adalah berdasarkan kebudayaan yang terbentuk dari aspek agama, kepercayaan, ekonomi dan susunan sosial masyarakatnya. Selanjutnya, kajian dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti yang dilakukan oleh Norazlina Mohd Kiram (2009) yang melihat konsep budaya malu dalam kalangan masyarakat Melayu melalui novel *Saga*. Seterusnya adalah kajian oleh Arba'ie Sujud, Salhah Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015) dan kajian yang telah dibuat oleh Che Abdullah Che Ya (2015) berkaitan dengan politik dalam novel. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa karya sastera dihasilkan sebagai maklum balas terhadap peristiwa politik yang berlaku. Selain itu, kajian yang melihat perspektif pantun dan isu bahasa sebagai medium pendidikan turut dikaji oleh Maizira Abdul Majid dan Tengku Intan Marlina Tengku Ali (2017) berdasarkan novel Sri Rahayu. Manakala kajian oleh Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2017) pula berdasarkan novel *Nenek* karya Razali Endun. Hasil kajiannya menyentuh mengenai tatacara perhubungan dalam masyarakat, kekeluargaan, kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat. Tambahan lain adalah kajian oleh Che Abdullah Che Ya (2018) yang berkaitan manifestasi kehidupan masyarakat dalam novel *Bedar Sukma* karya Faisal Tehrani. Kajian beliau mendapati realiti kehidupan masyarakat Melayu sangat bergantung kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Selain itu, masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat kepada kepercayaan dan amalan tradisi khususnya tentang firasat, tanda dan mimpi.

Persoalan yang mengaitkan pengaruh sosial dan budaya dalam masyarakat sama ada di kampung atau di bandar memaksa penulis berusaha menonjolkan tentang kehidupan masyarakat dan bangsanya. Persoalan kehidupan sosial dan budaya yang bersifat sejagat tidak terpisah daripada kehidupan masyarakat yang turut digarap melalui adunan cerita yang mengusik perasaan pembacanya. Contohnya kajian yang telah dilaksanakan oleh Norita Hamdan (1998) dalam tulisan ilmiahnya dengan tajuk *Novel Salina Karya A.Samad Said: Dilihat dari sudut Sosial*. Kajiannya mengenai nilai-nilai hidup masyarakat kampung, kesukaran mendapat tempat tinggal, persaingan antara penarik becak dan kenakalan kanak-kanak. Kehidupan masyarakat dalam novel *Salina* banyak didedahkan dengan kepincangan hidup masyarakat setinggan yang berjuang dalam meneruskan kehidupan. Aspek kehidupan sosial dan budaya dapat digambarkan menerusi penceritaan, gagasan pemikiran dan kreativiti penulis. Pengarang yang tajam daya sensitivitinya sama ada melalui komunikasi, mimpi, khayalan, perubahan, sejarah atau futuristik yang dapat meneruskan penciptaan dengan makna-makna kemanusiaan yang sebenar (Shahnon, 1994). Tambahan pula, sesebuah karya lazimnya menceritakan persoalan dalam masyarakat yang menyentuh soal-soal percintaan, perkahwinan, pengembaraan dan mencari kekayaan yang disesuaikan dengan batasan persekitaran dan lingkungannya (Morner & Rausch, 1991). Misalnya kajian oleh Ramli Isin (1994) yang membuat kajian berdasarkan budaya masyarakat Kaum Bajau dan Dusun, Cina dan Rungus. Berdasarkan novel *Cerah*, pengkaji mendapati, masyarakat Bajau kaya dengan budaya seperti budaya kematian, adat pertunangan, budaya makanan, tamu dan ekonomi. Turut dibincangkan adalah mengenai pakaian Kaum Rungus, budaya meminum tuak dan adat sogit kaum Dusun di Sabah. Dalam novel *Ngayu* pula memperlihatkan budaya masyarakat di Sarawak seperti Kelabit, Iban, Kayan dan lain-lain termasuklah aktiviti membina rumah panjang sebagai hantaran perkahwinan dan untuk menunjukkan kegagahan lelaki.

Masyarakat Melayu secara umumnya menganut agama Islam. Namun tinggalan unsur-unsur kepercayaan seperti animisme, dinamisme Hindu dan Buddha masih wujud di dalam sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Proses "syncretism" berlaku yang mana unsur kepercayaan sebelum dan selepas kehadiran Islam telah diubah suai dengan selera masyarakat tempatan.

Proses ini jelas dapat dikesan dalam ilmu perbomohan Melayu. Masyarakat Melayu mempercayai bahawa badan manusia mempunyai empat unsur penting iaitu air, api, tanah, dan angin. Sekiranya terdapat ketidakseimbangan di antara empat unsur ini, berkemungkinan badan manusia akan ditimpa penyakit. Masyarakat Melayu percaya kuasa alam semula jadi juga mampu mempengaruhi kesihatan seseorang. Menurut Rentse (1931), mereka ini percaya hanya orang tertentu yang pakar dalam bidang perbomohan yang mampu merungkai permasalahan berkaitan penyakit misteri dan juga mampu mencipta pelbagai ilmu lain. Akal manusia mempunyai limitasi untuk menghurai permasalahan berkaitan ilmu ghaib di dalam bentuk alam nyata (Syarhan Shafie & Fakhru Ridzha Abd Rahman, 2004).

Masyarakat Melayu dikatakan sinonim dengan kepercayaan dan pantang-larang yang diwarisi daripada generasi kepada generasi seterusnya (Mohd. Anuar & Samsul Azizul, 2014). Kepercayaan dan pengamalan budaya yang dipegang boleh menjadi pegangan masyarakat yang diwarisi turun-temurun. Khidmat perbomohan dalam bidang berkaitan mistik merupakan salah satu kepercayaan yang masih wujud dalam amalan masyarakat Melayu. Kepercayaan ini mendidik masyarakat Melayu dengan unsur-unsur ghaib yang dikatakan mampu memberi mudarat jika menyebabkan kuasa *supernatural* ini marah atau terlanggar pantang (Roslina, 1992).

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian lepas telah banyak pengkaji yang membuat kajian berkaitan dengan novel. Semua kajian ini adalah berkaitan dengan pemikiran dan isu atau permasalahan yang terdapat dalam novel yang terpilih. Setiap pemikiran dan isu yang diutarakan adalah berbeza mengikut keutamaan dan dominasi yang wujud di dalam novel tersebut. Pemikiran dan isu yang menjadi keutamaan dalam sesebuah novel akan menjadikan sesebuah karya itu lebih bernilai kerana di dalamnya terkandung pelbagai ilmu dan menjadi rujukan kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini cuba meneroka pemikiran Ramlee Awang Mursyid dalam karya beliau, *Kasyaf Ain* yang berkisar tentang pembunuhan dan kepercayaan karut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif kualitatif yang membuat gambaran secara nyata tentang budaya warisan Melayu dalam novel *Kasyaf Ain* karya Ramlee Awang Mursyid. Penyelidik juga turut melihat kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berfokuskan kepada warisan kebudayaan Melayu serta berkaitan novel Melayu. Antara bahan rujukan yang telah dikumpulkan melalui proses ini ialah buku dan jurnal yang berkaitan dengan fokus kajian. Novel ini dipilih kerana banyak memaparkan tentang warisan budaya Melayu, iaitu gaya bahasa Melayu dan tradisi Melayu yang dapat dijadikan sebagai medium pendidikan masyarakat, terutamanya generasi muda. Novel *Kasyaf Ain* ini berkonsepkan *psycho-thriller*, mempunyai 42 bab, berjumlah 399 halaman, mula dijual di pasaran dalam talian pada Oktober 2018 dan merupakan naskah sulung terbitan RAM Typewriter iaitu syarikat penerbitan beliau sendiri.

Karya Ramlee Awang Murshid ini dilihat ada memaparkan nilai budaya masyarakat Melayu. Ramlee Awang Murshid dilahirkan di Papar, Sabah pada 4 November 1967. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai wartawan Radio Televisyen Malaysia (RTM) selama 20 tahun bermula 1986. Tugasan kewartawanan ada kalanya membawa Ramlee menjelajah ke pelbagai negara dan menjadi penyumbang besar terhadap karya-karyanya. Novel pertama nukilannya diterbitkan pada tahun 1995 berjudul *Igauan Maut*. Dalam dunia penulisan, Ramlee terkenal sebagai novelis seram dan pernah memenangi sayembara penulisan melalui kejayaan novel *Pei Pan* yang diiktiraf pemenang kedua Hadiah Sako bagi Novel Nasional 2002. Beliau banyak mempengaruhi elemen seram dan ngeri dalam novelnya hingga mendapat jolokan sebagai penulis novel *thriller* di Malaysia masa kini.

## **Sinopsis Kasyaf Ain**

Novel ini mengisahkan mengenai Rosman dan Anita, dua orang pegawai polis bahagian jenayah yang sedang memburu penjenayah kejam di ibu kota, Kuala Lumpur. Kejadian kejam sering berlaku pada setiap malam bulan mengambang apabila mangsa-mangsa pembunuhan itu ditemui mati dalam keadaan yang aneh, iaitu mengering tidak berdarah. Kisah pembunuhan yang dianggap paranormal ini disifatkan bertujuan ritual songsang. Dalam proses penyiasatan ini, Rosman ditemukan dengan Syamel, seorang pemuda yang turut menyiasat kejadian sama kerana telah membunuh kekasihnya, Hanum Saskia.

Hanum Saskia merupakan seekor jembalang yang hidup dalam kalangan manusia atas sebab dendam. Dendamnya pada keturunan manusia, khususnya jurai dari keturunan Adi yang telah memusnahkan kehidupan seluruh marga dan perkampungan jembalang menyebabkan Hanum Saskia berusaha menghancurkan kehidupan manusia pula. Dengan anugerah *Kasyaf Ain* ini, Syamel dapat melihat kebenaran mengenai Hanum Saskia dan cuba untuk membantu Rosman menangani kes pembunuhan ini. Kisah pembunuhan yang berlaku ini dikaitkan dengan sejarah kisah pembunuhan yang pernah berlaku sekitar awal tahun 1840an, antara Adi, iaitu datuk Rosman dan Syamel dengan jembalang, keturunan Hanum Saskia.

Dikisahkan pada tahun 1830 di Kampung Lembah Beringin, sebuah perkampungan manusia, Mansur, merupakan seorang imam, dan keluarganya cuba diusir dari kampung tersebut oleh Liau Guantua. Liau Guantua merupakan seorang dukun yang menggunakan ilmu hitam bersubahat dengan Suaka (jembalang) untuk berkuasa dan menjadikannya penghulu Kampung Lembah Beringin. Setelah beliau perolehi kuasa, Liau Guantua hanyalah boneka suruhan kepada jembalang sehingga menyebabkan ajaran Islam dipinggir dan dilarang. Bagi penduduk kampung yang mengamalkan ajaran Islam, Suaka telah membunuh penduduk kampung dengan cara merobek dada dan mengeluarkan jantung mereka. Namun, masa bergulir waktu, pada tahun 1848 di alam sebelah sana yang dikenali sebagai Kampung Buana Senandung, sebuah petempatan didiami makhluk lain, iaitu Jembalang. Perkampungan ini yang diketuai oleh Tok Ketua Jais, telah dilanda musibah apabila para marganya telah dibunuh dengan cara yang sama seperti dialami oleh penduduk Kampung Lembah Beringin pada 18 tahun yang lalu. Kampung Buana Senandung kegemparan kerana pembunuhan tersebut dilakukan oleh Adi, anak lelaki imam Mansur. Adi dikenali sebagai tetamu siang di alam Kampung Buana Senandung ini kerana siang di alam manusia adalah malam di alam jembalang, begitu juga sebaliknya. Kesilapan Adi melepaskan Cindai, anak Tok Ketua Jais terus hidup telah mengundang malapetaka sehingga ke zaman ini dek kerana dendam Cindai kepada keturunan Adi.

Sebelum Adi meninggal dunia, beliau telah menulis sebuah buku bertajuk Cindai dan melakarkan wajah Cindai sebagai rujukan kepada anak cucu keturunannya. Hal ini disebabkan Cindai, spesies jembalang pontianak telah dipakukan di belakang tengkuknya boleh bertukar wajah menjadi manusia dan hidup dalam dunia manusia. Cindai berupaya melindungi dirinya dari penyingkapan *ain* secara zahir. Kini, Cindai yang dipercayai berubah wajah sebagai Hanum Saskia cuba untuk membalas dendam dengan menyesatkan kehidupan manusia pada masa kini melalui kecantikan, cinta dan keasyikan duniawi.

## **PERBINCANGAN DAN ANALISIS**

Umumnya, kebudayaan merupakan cara hidup sesebuah masyarakat. Dalam penulisan novel, terdapat banyak pengaruh budaya yang diterapkan ke dalamnya. Pengaruh budaya tersebut bukan sahaja terdiri daripada budaya Melayu sahaja, tetapi ada juga penulis yang memasukkan unsur budaya selain Melayu ke dalam hasil karyanya. Oleh sebab itu, kajian dibuat adalah untuk mendedahkan kepelbagaian pengaruh budaya yang wujud dalam novel dan seterusnya mencerminkan masyarakat yang wujud pada zaman tersebut. Warisan budaya Melayu yang



terdapat dalam novel *Kasyaf 'Ain* ini mencakupi gaya bahasa dan tradisi budaya Melayu yang meliputi kepercayaan dan nilai murni masyarakat Melayu. Persoalan hidup masyarakat yang penuh segala macam pergolakan dicampur dengan unsur agama, budaya dan nilai-nilai positif menjadikan novel ini amat menarik untuk dibaca. Pentingnya usaha yang bersungguh-sungguh diterapkan sebagai teras untuk mencapai kejayaan dan meneruskan kehidupan dalam masyarakat.

Dua dapatan yang akan dihuraikan dalam kajian ini. Pertama, mengenai gaya bahasa, iaitu aspek diksi (dialek/bahasa daerah) dan penggunaan kata ganti nama diri. Kedua, mengenai tradisi, iaitu nilai murni dan kepercayaan yang menjadi amalan dan pegangan masyarakat Melayu. Justeru, latar tempat, masa dan masyarakat menjadi gambaran untuk menonjolkan kedua-dua hal tersebut.

### **Aspek Diksi (Dialek /Bahasa Daerah)**

Setiap pengarang mempunyai gaya bahasa yang tersendiri. Melalui gaya bahasa yang tersendiri itu akan memperlihatkan jati diri pengarang dalam menyampaikan cerita. Hal ini kerana gaya bahasa merupakan tulang belakang sesebuah karya yang berfungsi menjadikannya lebih menarik dan istimewa, sekaligus mengangkat martabat sesebuah karya. Dalam novel *Kasyaf 'Ain* ini, unsur gaya bahasa yang kelihatan ialah aspek diksi. Diksi bermaksud pemilihan dan penggunaan kata-kata dalam lisan dan tulisan (Kamus Linguistik, 1997). Aspek diksi yang ketara ialah dialek atau bahasa daerah. Penggunaan dialek atau bahasa daerah dapat membuatkan karya yang dihasilkan lebih menarik, bahkan turut menterjemahkan budaya dan warisan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Dalam novel ini digambarkan penggunaan dialek atau bahasa daerah seperti *lusirnya*, *berkusuk-kasak*, *menghuyung-huyungnya*, *terkapus-kapus* dan *melagur-lagur* dapat dilihat dalam petikan berikut:

*Kumpulan itu pun berlusir-lusir dengan merempuh apa sahaja yang menjadi aral di hadapan mereka. (hlmn. 174)*

*Mulia yang berbekalkan sebatang jamung dan sebilah senjata bergegas meredah hutan belukar menuju ke kawasan perbukitan untuk mencari, sekali gus menemui Bentara. Lusirnya bukan kepalang. Seperti pemburu yang menjejaki bintang buruan. (hlmn. 195)*

*Sejurus Cindai pun turut berlusir. Mengejar jejak sedaya yang mampu. (hlmn.238)*

Penggunaan leksikal *lusirnya* bermaksud 'lariannya' dalam ayat di atas. Kedua-dua leksikal ini merupakan kata kerja tidak transitif yang diletakkan pada tempat yang betul dalam berbahasa. Penggunaan *lusirnya* dalam ayat ini tidak menjejaskan semantik ataupun maksud ayat, malahan dapat menghasilkan kelainan pembacaan dan menonjolkan warisan bahasa daerah atau dialek selain daripada bahasa Melayu Standard sedia ada. Sama seperti petikan di bawah:

*"Makhluk itu sangat menggerunkan!" itu sahaja ulasan daripada Jejaka. Para marga berkasuk-kusuk. Wajah masing-masing kelihatan cuak. (hlmn. 87)*

*Mulia berasakan seperti dikejar sesuatu dari belakang. Sesuatu yang tidak kenampakan. Bunyi lagur menghuyung-huyungnya bersama bunyi deraman yang sangat menyeramkan. Pergerakannya menjadi lambat tatkala memanjat tanah tinggi. (hlmn. 195)*

*Sedang berwenang itulah, Mulia sekali lagi dikejar bunyi deraman yang kedengaran melagur-lagur menyerupai pijakan kaki yang menghentak-hentak tanah. (hlmn. 195)*

Leksikal *berkusuk-kasak*, *menghuyung-huyungnya* dan *melagur-lagur* membawa maksud 'mempengaruhi sesama sendiri', 'bergoyang-goyang' dan 'berdentum-dentum' dalam petikan di atas. Leksikal kata ganda ini turut digunakan dalam penulisan karya ini. Penggunaan dialek dalam data di atas memperlihatkan unsur bahasa Melayu Brunei yang diselitkan sebagai bahasa ilmu

dan budaya masyarakat Melayu. Bahasa Melayu Brunei merupakan subkeluarga Nusantara yang dituturkan di Brunei, Labuan, Sarawak (Limbang, Miri, Lawas) dan Sabah (Sipitang, Papar, Kimanis dan beberapa daerah lain). Namun, penggunaan bahasa ini akan berbeza-beza dari segi fonetik dan fonologi mengikut setiap daerah. Pengarang novel ini telah menyetengahkan bahasa Melayu Brunei sebagai sebahagian dialek atau bahasa daerah yang digunakan dalam kehidupan seharian, malahan ianya mempunyai nilai dan warisannya tersendiri.

Bahasa daerah berfungsi sebagai fokalisasi, iaitu membantu pembaca mengenal pasti perkara dan ungkapan yang terkandung di dalam karya tersebut. Selain itu, bahasa daerah ini turut berfungsi sebagai lokalisasi, iaitu unsur yang menunjukkan perbezaan tempat dan masa yang terdapat dalam karya tersebut (Haslina Haron & Adilah Zabir, 2018). Situasi ini secara langsung memberi pengetahuan kepada pembaca mengenali konteks sosiobudaya dan warisan sesebuah kawasan dan masyarakatnya. Contohnya seperti leksikal *terkapus-kapus* dan *bertagar* dalam petikan di bawah:

*Terkapus-kapus dia mencari nyawa untuk mengharungi perjalanan. Dengan segala kudrat yang kian terhakis, gagah itu dikerahkan jua sedaya upaya. (hlmn. 195)*

*Bentara tersengih. Banyak giginya yang bertagar. Bentuk gigi Bentara pun kelihatan berbeza berbanding mereka yang bermukim di perkampungan ini. (hlmn. 239)*

Leksikal *terkapus-kapus* dan *bertagar* dalam petikan tersebut bermaksud 'tercungap-cungap' dan 'berkarat'. Leksikal ini merupakan bahasa Melayu Sabah yang digunakan secara meluas di seluruh Sabah, namun perbezaan semantik dan fonologi di pengaruhi oleh bahasa-bahasa tempatan. Dalam novel ini, leksikal-leksikal bahasa daerah yang digunakan banyak dipengaruhi oleh latar belakang penulis ini sendiri yang menerima pengaruh bahasa Melayu Brunei dan bahasa Melayu Sabah di Pantai Timur Sabah. Hal ini menunjukkan bagaimana realiti dan keadaan sebenar mengenai penggunaan bahasa dialek dan bahasa daerah digunakan dalam berkomunikasi dalam kalangan masyarakat. Bahasa merupakan sebahagian budaya kehidupan masyarakat yang perlu diwarisi dan dikekalkan supaya tidak hilang mahupun pupus di telan zaman.

Kesannya, penggunaan dialek atau bahasa daerah ini membolehkan pembaca dapat memahami dan menghayati penceritaan karya dengan lebih baik dan menarik. Dialek dan bahasa daerah bukan sekadar khazanah negara yang boleh diwariskan kepada generasi masa hadapan, bahkan juga untuk memberi akses dan pemahaman kepada komuniti luar tentang kekayaan penggunaan bahasa daerah yang amat sehati dalam kehidupan harian masyarakat Melayu. Hasil kajian ini mendapati latar belakang dan persekitaran penulis mempengaruhi gaya bahasa yang digarap dalam karya ini.

### **Penggunaan Kata Ganti Nama Diri**

Dalam tatabahasa bahasa Melayu, penggunaan kata ganti nama tidak terhad kepada ganti nama diri tetapi merangkumi kata ganti nama tempat, nama tunjuk, tak tentu dan kata tanya. Dalam novel ini, penggunaan kata ganti nama diri akan dianalisis untuk menterjemahkan budaya berbahasa yang santun sehingga diwarisi oleh masyarakat Melayu. Kata ganti nama diri digunakan untuk menggantikan kata nama orang sama ada sebagai diri pertama, diri orang kedua ataupun diri orang ketiga. Kata ganti nama yang digunakan dengan betul dan sesuai akan memberi keselesaan kepada seseorang yang diajak berbicara.

Kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Melayu, unsur penggunaan kata ganti diri seperti *saya*, *awak*, *aku*, *engkau*, *kamu*, *dia* dan sebagainya menjadi unsur rujukan dalam menentukan adab dan kesopanan seseorang dalam berbahasa sama ada secara lisan mahupun tulisan. Asmah Haji Omar (2000) menginterpretasikan kesantunan menurut perspektif Melayu adalah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pihak

pendengar. Hal ini sejajar dengan pendapat Abdullah Hassan dan Ainon Mohamad (1994) menyatakan bahawa kesantunan berbahasa ialah timbang rasa yang kita berikan kepada orang yang membaca karya kita atau mendengar kita bercakap apabila neka sopan digunakan dalam tulisan atau lisan. Aspek kesantunan berbahasa dalam wacana penulisan melibatkan penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia yang menunjukkan penghormatan kepada pihak yang lain (Awang Sariyan, 2007). Dalam novel ini dipaparkan penggunaan kata ganti diri yang digunakan dan panggilan hormat yang memperlihatkan kesantunan berbahasa ditonjolkan dalam budaya masyarakat Melayu seperti petikan berikut:

*"Maaf Tuan Rosman. Saya tak tahu tuan ni, polis," jelas pengawal keselamatan itu.  
(hlmn. 18)*

*"Silakan masuk tuan. Encik Syamel menunggu tuan di tingkat 11. Nombor rumah, 1104. Silakan tuan, mohon maaf atas segala kesulitan. (hlmn. 18)*

*"Ya tapi tuan harus dengar dulu cerita saya," balas Syamel. (hlmn. 22)*

Data di atas menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri 'saya – tuan' yang melambangkan penutur menggunakan kata ganti nama diri dan panggilan hormat bersifat santun, apabila penutur meletakkan status yang lebih rendah daripada orang yang disapa bercakap. Dalam situasi tersebut, 'saya' merupakan kata ganti diri yang dibenarkan dalam budaya masyarakat Melayu kerana jarak sosial jika dibandingkan dengan kata ganti diri 'aku' atau 'kau'. Selain itu, panggilan hormat 'tuan' dan 'encik' pula secara kolokasi dikaitkan dalam situasi formal seperti yang terdapat dalam petikan di atas.

Dalam masyarakat Melayu, panggilan kata hormat juga dikaitkan dengan pangkat, gelaran dan status yang dimiliki oleh seseorang. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*"Bawa aku bersama, Tok Ketua," Jejaka bersuara menawarkan diri. (hlmn. 45)*

*"Ya, saya ada catat dalam buku nota saya tuan," sahut Hadi (hlmn. 71)*

*"Buatlah sesuatu bang haji. Ruqyahkan anak kita ni," pinta Hajah Asiah. (hlmn. 160)*

Gelaran 'Tok Ketua', pangkat 'tuan' dan status 'bang haji' digunakan sebagai rujukan kata ganti nama diri individu tersebut. Berteraskan pangkat, gelaran dan status ini akhirnya bentuk panggilan ini menjadi budaya dalam masyarakat Melayu menyantuni panggilan seseorang sebagai tanda adab dan hormat.

Manakala penggunaan kata ganti nama diri 'aku' atau 'kau' adalah fenomena realiti dalam komunikasi harian masyarakat Melayu. Kata ganti diri ini dianggap kasar dan biadap jika digunakan dalam komunikasi dengan orang yang lebih tua, berstatus tinggi dan dihormati. Namun, sekiranya panggilan tersebut berlaku di antara mereka yang akrab atau mempunyai pertalian keluarga yang intim dan rapat seperti kekeluargaan, penggunaan 'aku' 'kau' boleh digunakan dan masih dikira sebagai santun. Kata ganti nama diri tersebut lebih mengeratkan hubungan dan menimbulkan suasana yang mesra. Contoh ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

*"Aku mencari ayah di rumah malam tadi. Tapi menurut ibu, ayah membuat rondaan bersendirian. Lain kali...usah bertindak sendirian ayah...Aku risau keselamatan ayah," ujar Jadur lancar. (hlmn. 69)*

*"Kenapa kau datang malam-malam begini, Jejaka? Wajah Cindai masih berkerut. Lontaran batu kerikil kecil berbekas merah di dahinya. "Aku merinduimu, Cindai," jujur Jejaka mengakuinya. (hlmn.165)*

Sementara itu, kata ganti nama 'saya – awak' pula digunakan untuk menunjukkan hubungan sosial jarak jauh, yang mana penutur kurang akrab dengan orang yang disapa berbicara. Dalam situasi inilah, masyarakat Melayu menggunakan kata ganti nama diri untuk menunjukkan rasa hormat dan rasa merendah diri ketika berbahasa dengan orang lain (Zulkifley Hamid & Naidatul Zamrizam Abu, 2013). Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*"Saya dah siasat dan saya tahu tentang tuan." Syamel menghela nafas panjang. "Oh...sebab tulah awak pilih saya untuk tangkap awak?" sinis Rosman mencelah. (hlmn. 21)*

*"Apakah awak keliru atau takut?" Senyuman Hanum Saskia sangat misteri. "Saya cuma berkhayal aje ni." Ujar Rosman sambil menggeleng. (hlmn. 69)*

Berdasarkan petikan di atas, panggilan tersebut bertujuan menghormati orang yang disapa disamping memperlihatkan budaya berhemah pada orang yang bertutur itu agar ia dianggap sebagai berbudi bahasa. Masyarakat Melayu memandang tinggi adab dan sopan dalam berbahasa yang menjadi sebahagian nilai santun dan budaya masyarakat Melayu (Abd Wahid Jais & Faezah Kassim, 2006). Memandangkan bahasa mampu mencerminkan aspek sosial dalam masyarakat, maka penutur perlu menyesuaikan setiap kata ganti diri yang digunakan dengan individu lain mengikut konteks semasa berkomunikasi dan berinteraksi.

Walaupun bentuk kata ganti nama diri kelihatan sederhana dan senang difahami, namun aspek penggunaannya boleh menjadi rumit dan kerap berlaku kesilapan akibat daripada penggunaan kata ganti nama diri yang salah atau kurang tepat. Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012) pernah membincangkan perkara ini dan menyatakan bahawa kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu diukur melalui salah satu aspek iaitu penggunaan kata ganti nama. Pengarang novel ini telah memperlihatkan salah satu aspek kecil morfologi dalam kehidupan masyarakat Melayu iaitu kata ganti nama diri, yang dilihat berupaya memberi implikasi sekiranya budaya santun berbahasa ini diabaikan. Dalam konteks masyarakat Melayu, ketidaksantunan berbahasa menggambarkan peribadi individu yang tidak tahu adab dan budaya hormati orang lain yang menjadi nilai peradaban yang diwarisi oleh masyarakat Melayu. Hakikatnya, penggunaan kata ganti nama diri yang betul menjadi pengikat hubungan yang harmoni dalam interaksi di antara penutur itu sendiri.

### **Nilai Murni Masyarakat Melayu**

Manusia dalam kehidupan sehariannya selalu dikaitkan dengan orang lain. Manusia merupakan makhluk sosial yang saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam sesebuah masyarakat, terdapat interaksi sosial dan interaksi inilah yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Nilai budaya dalam hubungan manusia dengan masyarakat yang terdapat dalam novel *Kasyaf 'Ain* adalah musyawarah dan gotong-royong sebagaimana berikut:

*Pada siang hari ini, imam musala kampung, Mansur berserta anaknya Adi, dibantu beberapa orang kariah masjid, mengumpulkan mayat-mayat mangsa. Satu lubang besar digali untuk dijadikan liang lahad. Mereka yang terbunuh disempurnakan menurut Syariah agama Islam. (hlmn. 6)*

*Senandung lebih menjurus kepada kemakmuran. Kita, penduduk kampung ni mencintai kedamaian. Saling bermuafakat. Suka tolong-menolong. Lalu pembunuhan yang berlaku siang tadi merupakan cabaran getir untuk kita (hlmn. 51-52)*

Data di atas menunjukkan adanya musyawarah yang diadakan oleh penduduk kampung. Musyawarah merupakan suatu perbincangan yang dilakukan untuk mendapatkan kesepakatan

dan menyelesaikan suatu permasalahan atau untuk mengambil suatu keputusan. Lebih-lebih lagi jika permasalahan atau keputusan itu berhubungan dengan kelangsungan hidup masyarakat setempat dan berkaitan dengan pelanggaran etika norma atau hukum adat masyarakat setempat. Segala keputusan diserahkan kepada ketua yang dipercayai menjadi wakil suara masyarakatnya. Apapun keputusan yang telah diputuskan akan menjadi sesuatu yang tetap, harus ditaati, dan harus dilaksanakan.

Usaha menerapkan budaya murni dalam kehidupan masyarakat dapat dilakukan menerusi nilai kasih sayang kerana kasih sayang merupakan sifat belas kasihan dan sayang sama ada sesama manusia, haiwan atau alam persekitaran. Nilai kasih sayang merupakan perasaan yang mendalam dan berkekalan yang lahir daripada keikhlasan hati seseorang. Hubungan kasih sayang yang terjalin dalam keluarga dan masyarakat boleh mewujudkan keselesaan dalam kehidupan seseorang individu. Hubungan kasih sayang amat penting untuk memupuk budaya murni kerana kasih sayang merupakan satu nilai kehidupan yang cukup tinggi lagi mulia. Analisis ini menggambarkan nilai kasih sayang keluarga Mansur. Seperti katanya;

*Mansur memberi nasihat sebelum dia bersama keluarganya keluar dari kampung itu. Mansur seperti menyembunyikan kesedihannya. Padahal, dia antara marga yang bertungkus-lumus membangunkan kampung ini dengan keringat, cinta, doa serta tawakal. (hlmn. 8)*

Di samping itu, tindakan Mansur untuk keluar berhijrah bagi mengelakkan pertumpahan darah menggambarkan kesanggupannya yang berkorban meninggalkan orang-orang kampungnya adalah melebihi segala-galanya. Hal ini menunjukkan sifat mahmuddah Mansur yang sabar, pemaaf dan penyayang terhadap manusia lain boleh melahirkan individu yang bertanggungjawab, bersahsiah mulia dan seimbang personalitinya (Asmah Bee dan Iran, 1995). Nilai kasih sayang memperlihatkan hubungan yang terjalin antara manusia sesama manusia serta keluarga tidak akan putus walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan seperti kata pepatah 'carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga' atau 'air dicincang tidak akan putus'. Pendekatan ini menegaskan nilai kasih sayang sebagai unsur keindahan dalam novel ini yang selari dengan etika Islam. Kasih sayang merupakan sebahagian daripada nilai murni yang harus dipupuk untuk mengeratkan hubungan manusia dengan orang lain, keluarga dan anggota masyarakatnya.

## **Kepercayaan**

Sistem kepercayaan masyarakat Melayu bukan sekadar mengenai sistem kepercayaan terhadap perihal keagamaan, namun melibatkan kepercayaan kepada asal usul. Soal kepercayaan sering dikaitkan dengan sesuatu yang diyakini dan diterima benar atau sesuatu yang dipercayai secara turun-temurun. Kepercayaan ini boleh dikaitkan dengan kepercayaan animisme yang mengatakan bahawa setiap sesuatu benda mempunyai semangat dan ada penunggu atau pemiliknya. Manusia juga perlu meminta izin jika mahu melakukan sesuatu (Harkavy, 1996). Amalan ini turut menjadi suatu budaya dalam masyarakat kerana kebanyakannya bergantung kepada keyakinan dan kepercayaan yang dikaitkan dengan unsur mistik dan keajaiban yang diterima secara warisan atau turun-temurun. Kepercayaan terhadap budaya tradisional yang dianggap karut biasanya sering dikaitkan dengan sesuatu perkara atau kejadian buruk yang benar-benar berlaku dalam sesebuah masyarakat. 'Mempercayai hantu' merupakan sebahagian amalan bagi sesetengah masyarakat setempat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme yang mempercayai setiap benda mempunyai semangat atau roh. Bagi sesetengah penduduk tempatan hari ini, masih ada yang mempercayai jika sesuatu tragedi atau peristiwa buruk berlaku sering dikaitkan dengan gangguan atau 'hantu marah'.

Oleh yang demikian, bomoh sering dikaitkan dengan individu yang mampu mengubat, memberikan nasihat berkaitan sihir atau ilmu hitam, menghalau hantu-syaitan selain

mencadangkan serta menentukan pantang-larang untuk kelancaran urusan kehidupan harian. Sepertimana yang terkandung di dalam novel *Kasyaf Ain*, peranan bomoh dapat dilihat dengan jelas di mana terdapat segolongan penduduk Kampung Lembah Beringin terutamanya ketua kampung itu sendiri, yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan perbomohan dalam menghadapi masalah gangguan mistik (disebut sebagai '*jembalang*'). Antara petikan yang dapat menggambarkan betapa pentingnya peranan bomoh ialah:

*Menjelang petang, barulah datuk penghulu muncul bersama Liau Gantua, orang pandai di kampung ini. Lelaki ini merupakan seorang dukun. Kejaguan ilmu jampi serapahnya memang tak ada bandingan. Dianggap benteng pengampuh di antara alam nyata dan ghaib. (hlmn. 5-6)*

*"Apakah sarananmu untuk mengendalikan permasalahan ni, Jinah?" tanya Jais. "Pergilah ke kampung sebelah. Minta pertolongan Dukun Liau Gantua," ujar Jinah. (hlmn. 48)*

Watak bomoh bernama *Liau Gantua* di dalam novel ini jelas menggambarkan terdapat masyarakat Melayu yang masih bergantung harap dengan perkhidmatan perbomohan. Hal ini dapat terbukti apabila apabila masyarakat kampung mempercayai apa jua yang diperkatakan oleh *Liau Gantua* mengenai punca '*jembalang*' mengganggu keamanan kampung mereka dan kepercayaan ini disokong sepenuhnya oleh sebahagian penduduk kampung tersebut. Ini jelas digambarkan di dalam petikan-petikan di bawah:

*"Jembalang tu tidak menyukai kau berada di sini, Mansur. Selagi kau berada di kampung ni, selagi itulah jembalang tu akan berusaha membinasakan kampung kita ni," celah datuk penghulu. (hlmn. 6)*

*"Ni... perintah tuk penghulu, Mansur. Patuhi ajelah! Atau kau nak aku dan orang-orang kampung menyingkirkan kau secara kasar!" Liau Gantua menempik lagi. (hlmn. 6)*

Petikan-petikan yang disebutkan di atas jelas menunjukkan terdapat masyarakat Melayu yang masih tidak dapat menghapuskan sepenuhnya unsur kepercayaan terhadap perbomohan dan yakin bomoh mampu menyelesaikan masalah berkaitan penyakit misteri yang dihadapi oleh manusia dan mencipta pelbagai ilmu lain. Khidmat bomoh digunakan kerana dikatakan mempunyai kuasa untuk berkomunikasi dan seterusnya memujuk kuasa ghaib yang dijangka bakal menyerang sesuatu tempat (Jahid Sidek, 2004) seperti mana yang digambarkan petikan di bawah ini:

*Liau Gantua memeriksa juadah yang diletakkan di hadapan pohon itu. Daging lembu sudah kering darahnya. Dihurungi lalat. Asas kemenyan tidak berupaya mengusir serangga-serangga kecil hitam bersayap itu. (hlmn. 53)*

*Malam nan larut. Liau Gantua mendatangi pohon besar seorang diri. Membawa dupa dan kemenyan. Duduk bersila meratib memuja alam kegelapan. Menyerahkan roh dan semangat untuk ditaat setiakan kepada jembalang yang bergelar Suaka. (hlmn. 101)*

Selain daripada itu, herba yang berasaskan tumbuh-tumbuhan seperti lada hitam dan garam bukit digunakan sebagai bahan utama dalam perubatan yang digunakan oleh bomoh. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam contoh petikan di bawah yang mana ini membuktikan kepercayaan masyarakat Melayu kepada kuasa alam semulajadi di dalam bidang perbomohan (Suhairimi, 2006).

*Di lantai kelihatan mayat seorang wanita terbaring kaku dalam satu lingkaran ritual, iaitu serbuk campuran garam bukit dan lada hitam dalam bentuk mengepung. (hlmn. 19)*

*Pukul 3.31 pagi, Syamel memerhatikan lingkaran garam bukit dan lada hitam yang mengepung mayat Hanum Saskia. Dia Nampak risau kalau-kalau lingkaran itu terputus atau diputuskan Rosman. (hlmn. 125)*

Untuk mengelakkan gejala ini daripada terus merebak dan diamalkan adalah menjadi kewajipan pengarang untuk bertindak berani dengan mengetengahkan fakta dan menjelaskan hukum agama bagi menegakkan kebenaran supaya masyarakat terhindar daripada kepercayaan karut dan perkara khurafat, seperti gambaran di bawah ini:

*Teruslah bertegas. Tiada TUHAN disembah melainkan ALLAH dan Nabi Muhammad tu adalah utusan ALLAH. Berapa lama pun, kebenaran tu pasti mengatasi kebatilan. Percayalah, yakinlah pada ALLAH (hlmn. 8)*

Kepercayaan masyarakat Melayu melibatkan persoalan akidah sebagai dasar yang paling utama. Dengan berpegang kepada konsep pandangan semesta agama Islam iaitu keimanan, kekuasaan dan kemanusiaan sebagai tunjang kehidupan, segala matlamat kehidupan adalah memohon kepada PenciptaNya dengan melakukan perkara-perkara yang baik dan mencegah perkara-perkara yang mungkar, seperti mana yang digarap dalam karya ini;

*...cukuplah Allah menjadi wakil (pelindung) kami yang sebaik-baiknya. Tiada daya upaya melainkan daya dan upaya kekuatan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. (hlmn.311)*

Sungguhpun demikian, timbul atau tenggelamnya masa depan sesuatu bangsa itu bergantung kepada sejauh mana bangsa berkenaan mewariskan nilai dan budaya bangsanya kepada golongan generasi muda dan sejauh mana pula golongan itu mampu menyambung warisan kebangsaannya (Dusuki, 1980). Analisis ini menggambarkan kepercayaan terhadap budaya tradisional dan karut masih menjadi sebahagian amalan kehidupan masyarakat Melayu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam realiti kehidupan hari ini masih ada kelompok masyarakat yang mempercayai pelbagai kepercayaan dan amalan yang bercanggah dengan nilai keagamaan dan budaya Melayu. Percanggahan ini menjadi punca kepincangan dalam masyarakat dan kelemahan iman yang mengakibatkan kesejahteraan hidup semakin jauh dengan nilai kemuliaan, keimanan dan ketakwaan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis menunjukkan bahawa novel *Kasyaf Ain* banyak mengandungi unsur warisan budaya Melayu yang dapat dijadikan sebagai ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat umumnya, dan generasi muda khususnya. Unsur warisan budaya ini dapat dilihat daripada segi bahasa, dialek, adab, institusi kekeluargaan dan tingkah laku sosial yang menonjolkan warisan budaya Melayu dan boleh dianggap sebagai medium intelektual dan praktikal masyarakat Melayu. Berdasarkan perbincangan mengenai teks novel *Kasyaf Ain* di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kecenderungan penulis dalam menghasilkan karya novel dengan meneliti dan menghayati nilai kemasyarakatan yang terpengaruh dengan budaya lain yang telah berasimilasi ke dalam budaya Melayu di rantau ini. Malah masyarakat Melayu mudah menerima pengaruh tersebut kerana dasar keterbukaan yang diamalkan sejak dari zaman dahulu asalkan tidak mengganggu gugat dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Penggunaan leksikal yang betul dan tepat dalam komunikasi seharian mampu membentuk masyarakat yang saling menyantuni antara satu sama lain. Meskipun bertutur dengan kepelbagaian dialek dan bahasa daerah, ini merupakan keunikan masyarakat Melayu yang terletak di bawah satu rumpun bahasa Nusantara yang sama. Kesantunan berbahasa dapat mencerminkan masyarakat yang tahu berbahasa, khususnya dalam penggunaan kata ganti nama diri sebagai rujukan ketika berkomunikasi. Penggunaan kata ganti nama diri hanyalah sebahagian kecil aspek morfologi dalam bidang linguistik, namun ianya memberi peranan yang besar kepada masyarakat dari segi penggunaannya. Penggunaannya berupaya mewujudkan kesantunan berbahasa dalam masyarakat, sekaligus mengetengahkan warisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu itu sendiri dalam berbahasa.

Analisis membuktikan bahawa novel ini dapat menonjolkan tentang warisan budaya Melayu yang dapat memberi pendidikan berkesan untuk memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat. Oleh yang demikian, hal ini bertepatan seperti kata-kata Muhammad Haji Salleh (2000) bahawa sastera dianggap amat dasar dalam sesebuah masyarakat kerana selama ini sastera dianggap dan diisi sebagai wadah rohaniah, intelektual dan praktikal bangsa itu.

## RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2012). *Warisan budaya dalam Konteks 1Malaysia: Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abd Wahid Jais & Faezah Kassim. (2006). Kesantunan bahasa dalam peradaban Melayu dari perspektif komunikasi. *Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal dari Perspektif Bahasa, Terjemahan dan Komunikasi*, 2: 59-73.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohamad. (1994). *Tatabahasa dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Arba'ie Sujud, Salhah Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2015). Pemikiran politik: Pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad. *International Journal of the World and Civilisation*. 3(1): 67- 78.
- Asmah Bee Mohd. Noor & Iran Herman. (1995). *Membina kesejahteraan remaja*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Tekno Edar.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2005). *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan wacana politik dalam karya sastera: Analisis novel Kawin-kawin. *Jurnal Komunikasi*, 31(2): 461-176.
- \_\_\_\_\_. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2): 328 – 342.
- Dusuki Hj. Ahmad. (1980). *Islam Di Malaysia kebangkitan dan masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.
- Elizabeth & Burns, T. (1973). *Sociology of literature and drama*. Middlesex: Penguin Education.
- Fatimah Busu. (2003). *Penulisan kreatif teori dan proses*. Pahang: PTS Publication.
- Harkavy, M. D. (1996). *The Webster's International Encyclopedia*. Florida: Trident Press International.
- Haron Daud. (2004). *Ulit Mayang kumpulan Mmntera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari mini kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Haslina Haron & Adilah Zabir. (2018). Penggunaan dialek dalam novel Seorang Tua di Kaki Gunung. *Jurnal Bahasa*, 18(2): 286-318.
- Hassan Shadily. (1984). *Sosiologi untuk masyarakat Indonesia*. Indonesia: PT. Bina Aksara.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziah. (2000). *Sistem pengubatan di zaman Rasul*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Jahid Sidek. (2004). *Berpawang dan bersahabat dengan Jin daripada perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizira Abdul Majid & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2017, Mei). *Warisan budaya Melayu dalam novel Sri Rahayu sebagai medium pendidikan*. dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan 2017. Kota Kinabalu, Sabah.



- Mohd Anuar Ramli, Syamsul Azizul Marinsah. (2014). Kepercayaan Kenan dalam masyarakat Melayu: Kajian dari perspektif hukum Islam. *Manusia dan Masyarakat* (25).
- Morner, Katheleen & Rausch, R. (1991). *NTC's Dictionary of Literary Terms*. Illinois: National Textbook.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Permata di rumput, gilang sastera sebagai ruang bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ramzi Omar. (2000). *Sihir dan perkara berkaitan dengannya*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Nadiah Abdul Rahman & Priscilla Law Nguik Hung. (2008). *Tamadun Islam dan Asia*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Nor Aini binti Hj. Ahmad. (1998). *Unsur-unsur tradisi lisan dalam drama-drama Noordin Hassan*. Tesis Bachelor Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Norazlina Mohd Kiram. (2009). Konsep malu orang Melayu dalam novel Saga. dlm *Penelitian Bahasa dan Budaya Melayu: Teori dan Aplikasi*. (ms 239 – 251). Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Norita Hamdan. (1998). *Novel Salina karya A. Samad Said: Dilihat dari sudut sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ramlee Awang Murshid. (2018). *Kasyaf Ain*. Kuala Lumpur: RAM Typewriter Ventures.
- Ramli Isin. (1994). *Novel-novel Melayu muktahir: Analisis cerminan nilai budaya bangsa. Teks Ceminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Novel Melayu Mutakhir: Tema dan persoalan karya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Rentse, Anker. (1931). Kelantan Malay Charms, dalam. JMBRAS. IX.(1).
- Roslina Mat Riffin. (1992). *Histeria: Satu kajian kes mengenai pandangan orang Melayu di Bachok Kelantan*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2017). Fenomena sosial dalam novel Nenek karya Razali Endun. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 8: 82-95.
- Shannon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman, ilmu, imaginasi dan kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syarhan Shafie & Fakhrol Ridzha Abd Rahman. (2004). *Perubatan Islam menangkis kejahatan makhluk halus*. Putrajaya: Nusaibah Enterprise.
- Shuhairimi Abdullah. (2006). Institusi bomoh dalam masyarakat Melayu menurut perspektif Islam. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 9: 181-203.
- Umar Junus. (1989). *Sosiologi sastera: Persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Kesantunan dan strategi berbahasa dalam konteks pendidikan. In: Marlyna Maros et.al (eds) *Kesantunan Berbahasa*, 63-81. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid & Naidatul Zamrizam Abu. (2013). Memupuk perpaduan di Malaysia – Santun bahasa daam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*. 9(4): 86 – 98.

